NIOSH Malaysia Newsletter... bringing you the OSH updates

# FYi

NIOSH
National Institute Of Occupational Safety And Health

No Permit:PP13200/12/2013(032007)
August 2018:ISSN 1675-5464

*Your OSH preferred partners*

# ADAKAH INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) MASIH SUKAR UNTUK MENGAMALKAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)?

# TIDAK BOLEH BERUBAH KEPADA LEBIH SELAMAT DAN SIHAT?

Laporan khas pelaksanaan program
*WORK IMPROVEMENT FOR SMALL MEDIUM ENTERPRISES (WISE)*



(Bahagian 1)

# ADAKAH INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS) MASIH SUKAR UNTUK MENGAMALKAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP)?

# TIDAK BOLEH BERUBAH KEPADA LEBIH SELAMAT DAN SIHAT?

## 1.0 PENGENALAN



Berdasarkan pada banci ekonomi yang baru dikeluarkan 2016: Profil Perusahaan Kecil dan Sederhana oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) (yang diketengahkan dalam Sorotan Khas pada halaman 109), PKS di Malaysia merupakan **98.5%** daripada jumlah pertubuhan perniagaan. Majoriti perniagaan berada dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam perdagangan borong & runcit, diikuti oleh pembuatan, pembinaan, pertanian dan perlombongan & kuari. Sumbangan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada ekonomi Malaysia meningkat kepada 33.1% pertambahan sebanyak 0.5% dari tahun 2012. Pengembangan berterusan ini menunjukkan kepentingan industri ini dalam menjana ekonomi negara (Sumber: http://www.smecorp.gov.my/index.php/en/sme-annual-report-2015-16).

Melalui Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) (Occupational Safety and Health Master Plan, [OSHMP]) 2020, antara objektif yang dikenalpasti dan perlu diambil tindakan segera ialah pengurangan kadar kematian kepada 4.36/100,000 pekerja, pengurangan kadar kemalangan kepada 2.53/1,000 pekerja serta peningkatan pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan sebanyak 30% menjelang 2020. Atas usaha menyokong OSHMP 2020, Pelan Strategik IKS 2020 meletakkan visinya iaitu Budaya Pencegahan diterapkan di tempat kerja manakala misinya memperkasakan pengurusan KKP di tempat kerja.

***Work Improvements in Small Enterprises*** **(WISE)** merupakan salah satu program yang menyokong Pelan Strategik IKS 2020. Ia merupakan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan dalam IKS untuk meningkatkan produktiviti dan keselesaan bekerja di tempat kerja dengan melaksanakan penambahbaikan KKP secara efektif dengan menggunakan kos yang minima. Program ini telah dibangunkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa **(*International Labour Organisation*, ILO).** Tujuan utama program ini adalah untuk membantu perusahaan IKS dalam meningkatkan produktiviti dan keadaan kerja serta kondusi yang selesa dan selamat di tempat kerja. Ianya bukan sahaja memberi manfaat kepada majikan malah kepada pekerja. IKS memainkan peranan penting dalam negara terutamanya dalam pembangunan sosial dan ekonomi.

Oleh itu, dalam usaha memastikan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan lebih berkesan adalah perlu bagi setiap organisasi memantapkan pengurusan bermula dengan Latihan ***WISE*** yang merangkumi **modul 1** hingga **11** khusus digunapakai untuk semua perusahaan IKS terpilih di Malaysia. Di samping itu, secara tidak langsung ia dapat memenuhi objektif OSHMP 2020 dalam membentuk budaya KKP sebagai satu amalan budaya kerja yang selamat di tempat kerja pada tahun 2020.

Pengurangan kadar kemalangan dan peningkatan pelaporan KKP menunjukkan peningkatan kesedaran dan pengetahuan dan kemahiran berkenaan cara kerja selamat. Diharap jumlah ini akan bertambah seiring dengan penambahan bengkel, seminar, latihan dan aktiviti promosi yang lain.

**FAEDAH DARIPADA PROGRAM *WISE* KEPADA IKS**




**KITARAN PRODUKTIVITI IKS**



## 2.0 LATAR BELAKANG PROGRAM



Program ini melibatkan semua IKS di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Dengan jumlah keseluruhan **47 syarikat**. Program ini terbahagi kepada 2 fasa iaitu fasa pertama yang melibatkan aktiviti penilaian awal dan latihan yang merangkumi 11 modul. Selepas 1 bulan, fasa kedua dijalankan yang mana membabitkan audit susulan untuk memastikan cadangan penambahbaikan dilaksanakan.

Projek ini telah dijalankan bermula **23 Mei 2017** dan berakhir pada **31 November 2017**. Program ini adalah kerjasama antara Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sebagai penyumbang bantuan kewangan projek, dijalankan oleh Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan (CRD) NIOSH selaku konsultan, manakala pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menghantar wakil sebagai pemerhati bagi setiap program.

Satu sesi taklimat mengenai program dan latihan KKP telah dilaksanakan oleh pegawai NIOSH kepada pihak syarikat. Khidmat latihan kesedaran diadakan di organisasi yang terlibat. Bilangan peserta program ini bergantung kepada organisasi yang terlibat daripada bahagian pengurusan. Sesi dijalankan selama **6.5 jam** untuk **lima hari.** Bengkel dimulakan dengan sesi pengenalan ringkas mengenai program daripada pihak NIOSH. Pengisian latihan tersebut adalah merangkumi masalah yang dihadapi oleh IKS dan kaedah penyelesaian yang boleh diambil oleh IKS. Butirannya adalah seperti berikut :

| MASALAH IKS | PENYELESAIAN |
|---|---|
| Kekerapan pekerja mengambil cuti sakit | ▪ Menyediakan kemudahan fasiliti yang sempurna<br>▪ Perbaiki postur pekerja semasa bekerja dengan menyediakan ruang kerja yang selesa<br>▪ Mengawal penggunaan bahan berbahaya dengan efektif |
| Pengeluaran output yang rendah | ▪ Merancang carta alir yang sistematik untuk lebih produktif<br>▪ Mengawal suhu dan pengudaraan di tempat kerja mengikut keperluan perundangan<br>▪ Membaiki tempat penyimpanan dan pengendalian agar lebih komprehensif |
| Penghasilan produk kurang berkualiti | ▪ Memperbaiki produk dan mengurangkan kesilapan<br>▪ Merekabentuk ruang kerja yang lebih baik<br>▪ Meningkatkan pencahayaan |
| Keuntungan yang minima | ▪ Menggalakkan pekerja produktif dan tidak bosan<br>▪ Mengelakkan daripada membuat kerja tambahan yang tidak diperlukan |
| Aduan dan ketidakpuashatian pekerja | ▪ Meningkatkan penglibatan dan memotivasikan pekerja<br>▪ Mengatur masa kerja yang lebih baik |
| Terlalu banyak buang masa dan belanja | ▪ Menyimpan barang-barang dengan selamat dan efisyen<br>▪ Menyusun semula keadaan permis untuk lebih komprehensif |

## 3.0 OBJEKTIF PROGRAM



Program **WISE** yang telah dijalankan ini melibatkan 2 aktiviti iaitu Pra-penilaian (***Pre-assessment*** dan Pasca-penilaian (***Post-assessment*).** Ia meliputi aktiviti seperti:

- ➢ Analisa Jurang (Gap Analysis)
- ➢ Audit Susulan (Follow-Up Audit)
- ➢ *Latihan* Wise (Modul 1 hingga Modul 11)

Fokus utama program ini ialah untuk menjalankan khidmat latihan berkenaan pengenalan terhadap keperluan perundangan KKP dan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (*OSHMS*) bagi IKS berpandukan beberapa perundangan yang perlu dipatuhi seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP) dan Akta Kilang dan Jentera 1967 (AKJ).

Penekanan diberikan kepada aspek:

- Pelantikan dan fungsi koordinator KKP (*OSH-Coordinator*); dan
- Membantu pelaksanaan Pelan Induk IKS 2020

Selain dapat mencadangkan perlantikan ***OSH Coordinator*** di setiap IKS, dalam membantu majikan mengurangkan kemalangan di tempat kerja berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh JKKP, program ini juga telah:

- Dapat mengadaptasikan sistem pengurusan Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan pada majikan dan semua pekerja di IKS;
- Berupaya mengenalpasti tahap pelaksanaan berhubung KKP di tempat kerja;
- Berjaya memberikan khidmat nasihat bagi membantu organisasi mengenalpasti dan menambah baik keadaan KKP organisasi tersebut; dan
- Berhasil memberi pemahaman keperluan undang-undang untuk mewujudkan suasana KKP yang lebih efektif dan effisien.

## 4.0 MEKANISMA PROGRAM

Kaedah-kaedah pelaksanaan yang digunakan untuk mencapai objektif program ini dengan berkesan adalah melalui 2 fasa seperti berikut:

➢ ***Pra-penilaian:***

4.1 <u>**Audit Keselamatan: *Gap Analysis* dan Audit KKP (Hari ke-1)**</u>



Untuk melihat dan mengenalpasti jurang KKP yang terdapat di IKS dari segi keperluan perundangan serta keperluan elemen WISE.

Ia memerlukan 6 hingga 7 jam bagi aktiviti ini. Kaedah untuk aktiviti ini adalah sesi temubual, pemeriksaan tempat kerja dan semakan dokumen KKP.

4.2 <u>**Latihan yang menerangkan elemen *WISE* (Modul 1 hingga Modul 11) (Hari ke-2 & 3)**</u>



Untuk membimbing kakitangan di IKS dalam melahirkan *OSH Coordinator*. Selain itu juga dengan adanya *OSH Coordinator* ianya secara langsung dapat memastikan KKP di semua sektor pekerjaan khususnya IKS dititikberatkan. Jumlah kemalangan dapat dikurangkan serta secara tidak langsung akan meningkatkan keuntungan syarikat. Tajuk-tajuk modul adalah seperti berikut:

i. Modul 1: *OSH Compliance – It's time to change*
ii. Modul 2: Pengenalan Kepada Agensi Berkaitan dan Asas Perundangan KKP
iii. Modul 3: OSH-Coordinator dan *Term of Reference*
iv. Bengkel 1:
   a. Mewujudkan surat pelantikan Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan
   b. Mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan / *Safety Team*
   c. Mewujudkan Polisi Keselamatan dan Kesihatan
v. Modul 4: Asas Pengurusan KKP
vi. Modul 5: Pengurusan Bahan Kimia
vii. Modul 6: Kesihatan Pekerjaan
viii. Modul 7: Pengenalan Pengurusan Risiko KKP dan Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC)
ix. Bengkel 2: Membangunkan HIRARC secara berkumpulan berdasarkan kepada gambar keadaan dan perlakuan tidak selamat
x. Modul 8: Pengendalian dan Penyimpanan Bahan (beserta latihan interaktif)
xi. Modul 9: Pencahayaan dan Rekabentuk Stesen Kerja (Work-station design & lighting) (beserta latihan interaktif)
xii. Modul 10: Keselamatan Mesin Produktif (*Productive Machine Safety*) (beserta latihan interaktif)
xiii. Modul 11: *Premises & Work-related welfare facilities* (beserta latihan interaktif)
xiv. Bengkel 3: Senarai semak tempat kerja dan pelan tindakan

➢ ***Pasca-penilaian* (Selepas 1 bulan berikutnya)**

4.3 <u>**Pembentangan penambahbaikan oleh kilang (Hari ke-4)**</u>

Pembentangan yang dilakukan oleh industri akan membentangkan sekurang-kurangnya 5 langkah penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh kilang selepas tempoh 1 bulan dari tarikh perlaksanaan *pra-penilaian WISE*.




Terbukti beberapa IKS telah menunjukkan initiatif dan kreativiti untuk melaksanakan elemen KKP di tempat kerja. Kaedah mentoring ini berjaya membimbing IKS untuk maju ke hadapan.

4.4 <u>**Menjalankan audit susulan selepas penambahbaikan oleh IKS (Hari ke-5)**</u>

Aktiviti pemeriksaan kilang oleh konsultan dijalankan selepas penambahbaikan dilaksanakan. IKS telah dianugerahkan cenderahati dan sijil penghargaan sebagai tanda penglibatan dalam program *WISE*.



***Bersambung isu September 2018 dalam Bahagian 2***

***Artikel ini ditulis bersama oleh:***



**Hj Mohd Esa Bin Baruji,**
- Pakar Teknikal KKP 1, CRD, NIOSH
- Ketua Penyelidik, Projek Kajian Pemerkasaan KKP Majikan Utama
- Ketua Penyelidik, Projek Kajian Hazard Kesihatan, NIOSH



**Pn Siti Faeza Yani**
- Ketua Sektor PBT,
- Kumpulan Penyelidikan Kajian Hazard Kesihatan, NIOSH
- Pegawai di OSHMD, CRD, NIOSH.

# PROGRAM TOTAL WELLNESS AND HEALTH PROMOTION NIOSH 2018



Total Wellness and Health Promotion (TWHP) NIOSH 2018 telah berlangsung selama 3 hari bermula pada 27-29 Ogos 2018. Seramai 35 orang kakitangan yang terpilih dalam program yang dianjurkan oleh Occupational Health Division (OHD) dengan kerjasama NIOSH Safety Committee (NOSHCOM). Pada hari pertama pembukaan program pagi itu dimulakan oleh Pengurus OHD iaitu Dr Hj Syakirin Muhamad Senin dengan kata-kata perangsang kepada peserta. Selain itu, satu perkongsian pengalaman kejayaan *fat to fit* dan cara istiqomah dalam menjalani gaya hidup sihat disampaikan oleh Encik Mohd Razman Ismail dan Cik Ernie Sazlien Baharudin. Slot seterusnya adalah slot NCD (non-communicable disease) @ penyakit tidak berjangkit dengan tips yang sangat terkesan oleh Dr Azrul Rozaiman. Pada sebelah petang diakhiri dengan slot jom, *'eat right'* oleh Hj Ridzoni Sulaiman dengan perkongsian ilmu makan untuk hidup "suku suku separuh".

Pada hari kedua program 28 Ogos 2018, dimulakan dengan aktiviti luar *toning and tanning* yang dikendalikan oleh pasukan Encik Nur Alyani Fahmi Salihin dan Encik Ahmad Syazrin Muhammad. Sebelah petang slot motivasi *'Are you ready to change?'* telah disampaikan oleh Dr. Sallehudin Ashari dan diikuti oleh slot SOCSO dengan topik benefit and active@work project under SOCSO. Slot terakhir pada hari kedua *'Mind your Heart and body'* oleh Dr. Hasbullah Ismail dengan aktiviti bersukan dan larian di sekitar kawasan NIOSH pula pada petang tersebut.

Pada hari terakhir 29 Ogos 2018, aktiviti pagi dimulakan dengan sesi pemanasan badan 30 minit, futsal tangan dan senaman yang dikendalikan oleh Encik Fahmi, Encik Syazrin dan Puan Siti Nurani Hassan. Seterusnya slot *healthy mind healthy body* disampaikan oleh Pegawai Psikologi Unit Kesihatan Mental Kementerian Kesihatan Malaysia. Saringan DASS, luahan perasaan, linangan air mata, kawal tekanan dengan teknik pernafasan yang betul serta aktiviti kumpulan melukis juga surat cinta untuk diri sendiri yang disampaikan oleh Puan Nurhuda pada sebelah petang. Sesi konsultasi bersama Dr Syakirin melalui laporan saringan kesihatan termasuk *ECG resting, full blood test (lipids profile, liver function, renal function, hsCrp, Hba1c, thyroid, tumor maker, hepsB and urine FEME), blood pressure, inbody result, fitness result.* Penutup program petang itu diakhiri dengan ikrar peserta ke arah gaya hidup sihat yang diketuai oleh Encik Yang Hafizi. Program TWHP tahun 2018 yang berlangsung selama 3 hari diharap dapat memberi manfaat dan menjadi motivasi diri kepada kakitangan NIOSH dengan harapan dapat mengubah cara hidup dan pemakanan harian kepada yang lebih sihat dan baik.

# MAJLIS SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN KE 61 PERINGKAT NIOSH

BANGI: Sempena sambutan kemerdekaan ke 61 tahun, NIOSH telah menganjurkan Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke 61 peringkat NIOSH pada Khamis, 30 Ogos 2018. Persiapan sambutan diadakan bermula seawal jam 9.00 pagi bertempat di ruang Hangar NIOSH, Bandar Baru Bangi. Majlis tersebut dihadiri oleh Pengarah Eksekutif NIOSH, Encik Ayop Salleh dan Setiausaha Eksekutif NIOSH, Tn Hj. Mej (B) Hanif Maidin.

Majlis bermula pada jam 2.00 petang dengan sesi pendaftaran dan pemberian bendera kepada kakitangan NIOSH dan para jemputan yang membanjiri kawasan Hangar. Majlis dihangatkan lagi dengan aktiviti menjawab soalan-soalan kuiz berkaitan hari kemerdekaan kepada tetamu yang hadir. Sebelum ucapan perasmian, taklimat keselamatan telah disampaikan oleh Cik Nomarlenny Omar selaku Pegawai Keselamatan dan Kesihatan NIOSH. Tepat jam 3.00 petang ketibaan YBhg Tan Sri Datuk Seri Lee Lam Thye, Pengerusi NIOSH telah dibawa dengan menaiki motosikal ke tempat berkumpul di kawasan Hangar. Majlis diserikan dengan pertandingan motosikal berhias dan pakaian mengikut tema hari kebangsaan yang dipertandingkan pada petang itu.



Ucapan perasmian telah disempurnakan oleh YBhg Tan Sri Datuk Seri Lee lam Thye dengan iringan gimik pelancaran iaitu menurunkan *banner "Sayangi Malaysiaku"*. Kehangatan sambutan bulan kemerdekaan dimeriahkan lagi dengan lagu-lagu patriotik *Kita Punya Malaysia, Jalur Gemilang* dan lagu *Tanggal 31* dengan kibaran bendera jalur gemilang oleh tetamu yang hadir pada petang itu.

Usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju tidak akan bermakna jika jumlah kemalangan melibatkan pekerja meningkat saban tahun. Pada masa yang sama, sikap tidak ambil peduli tentang aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) juga boleh diibaratkan seperti tidak menghargai nikmat kemerdekaan yang di kecapi selama ini. "Tidak ada gunanya kita menyambut kemerdekaan saban tahun tetapi jumlah kemalangan, terutamanya kemalangan berulang-alik ke tempat kerja *(commuting accidents)* semakin bertambah," ucap YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye, Pengerusi NIOSH ketika melancarkan Kempen Sambutan Hari Kebangsaan 2018 peringkat NIOSH.

*#SayangiMalaysiaku*
*#Merdeka61*

